

## ISLAM DAN BEBERAPA PENGARUHNYA DALAM SISTEM POLITIK MELAYU TRADISI\*

oleh

MOHD. IDRUS JUSTI

Pengaruh Islam dalam semua bidang kehidupan umat Melayu termasuk juga dalam kehidupan politik selalu dianggap kecil oleh kebanyakan penulis. Mereka mengeluarkan teori-teori tentang kedatangan Islam yang sesuai dengan tujuan untuk hendak menunjukkan bahawa Islam punya pengaruh dan kesan yang menggugat dalam kehidupan masyarakat Melayu Nusantara.<sup>1</sup> Van Leur misalnya

---

\* Makalah ini telah dipetik dari Latihan Ilmiah penulis yang berjudul "Islam Dan Beberapa Pengaruhnya Dalam Sistem Politik Melayu Tradisi" yang telah dikemukakan kepada Jabatan Sejarah UKM, Sessi 1974/75.

<sup>1</sup> Kita tidaklah bertujuan hendak membicarakan satu persatu teori yang dikaitkan dengan kedatangan Islam ke Nusantara, dan secara mendalam pula, namun adalah baiknya kita mengetahui teori-teori yang telah dikemukakan untuk dapat secara lebih imbangan akan peranan Islam dalam serajah rantau ini. Mengenai dari mana Islam disebarkan umumnya terdapat empat teori, masing-masingnya ialah: Pertamanya, teori yang mengatakan datang dan disebarkan menerusi Gujerat, keduanya, disebarkan menerusi Pantai Koromandel, ketiganya, Islam datang dari negeri China dan keempatnya, Islam disebarkan dan datang terus dari Arab dan Persia. Tentang caranya pula dapat digolongkan kepada enam teori. Pertama Islam dikatakan disebarkan menerusi perdagangan. Dan teori ini popular sekali bagi ramai sarjana-sarjana barat, dan sesuai dengan teori ini bahawa Islam hanya 'selaput kulit yang nipis' dan menerusi India ianya diadunkan dengan fahaman Hindu sesuai untuk diterima oleh masyarakat Melayu yang dikatakan sebagai beragama Hindu pada masa itu. Pedagang-pedagang Islam dikatakan sambil berniaga sambil menyebarkan agama dan ada pula yang berkahwin dengan puteri-puteri tempatan. Teori kedua menyebutkan Islam disebarkan menerusi usaha-usaha dakwah ataupun pengembang-pengembang agama. Mengikuti teori ini Islam diperkembangkan oleh guru-guru agama dan juga oleh ahli-ahli Sufi yang mengikuti peniaga-peniaga. Berikutnya ialah teori politik. Ianya menengaskan penerimaan Islam oleh kalangan istana dan pemerintah mempunyai tujuan politik, misalnya, Islam memberikan faktor 'legitimization' kepada raja-raja, dan kepada tindakan menentang dan menghapuskan pemerintahan Hindu di Majapahit. Keempatnya, ialah teori ekonomi. Dengan teori ini dimaksudkan bahwa memeluk Islam memberikan peluang kepada ketua-ketua tempatan menyertai perdagangan antarabangsa yang pada waktu itu dikuasai dan dimonopoli oleh pedagang-pedagang Islam yang didakwa sebagai mampu memboikot mana-mana pusat perdagangan yang mereka mau. Teori ketiga dan keempat ini menjadikan perkembangan Islam dimainkan oleh raja-raja dan ketua setempat. Islam diterima kerana kualiti agama itu sendiri yang memberikan harga dan nilai diri individu dan perasaan termasuk dalam komuniti antarabangsa dalam pelukan Persaudaraan Islam. Dan teori keenamnya dan yang terakhir ialah teori Sabil. Menurut teori ini Islam tersibar dengan pesat hasil dari pertentangan dengan Barat, mula-mula Portugis dan kemudiannya kuasa-kuasa Eropah yang lain. Untuk perbincangan mengenai teori kedatangan Islam — dari mana dan bagaimana ianya disebarkan seperti yang kita padatkan dalam para diatas dapat dilihat dalam tulisan-tulisan S.Q. Fatimi, *Islam Comes to Malaysia*, Malaysia Sociological Research Institute, Singapore, 1963; M.A. Rauf, *The Brief History of Islam*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1964; P.E. De Josselin de Jong, *Agama-Agama di Gugusan Pulau-Pulau Melayu*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1965; beberapa karya oleh Syed Muhammad Naguib al-Attas, *The Correct date of the Trengganu Inscription*, Museums Department, States of Malaya, Kuala Lumpur, 1970; juga *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1969; dan *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1972. Lihat juga Syed Hussein Alatas, "Reconstruction of Malaysian History", RSEA, No. 3, 1962,

menegaskan bahawa Islam itu tiada membawa apa-apa perubahan asasi dan tiada pula membawa suatu tamaddun yang lebih luhur daripada aya yang sudah sedia ada.<sup>2</sup> Demikian juga dengan sarjana-sarjana Belanda yang lain termasuk Hurgronje dan pengikut-pengikutnya memang memperkecil-kecilkan Islam dan peranannya dalam sejarah Kepulauan Melayu.<sup>3</sup>

Demikian juga dengan Gullick yang mengkaji sistem politik Melayu tradisi telah memberikan hukuman yang serupa. Ikuti apa kata beliau:

*Islam was not to any signification extent a 'state religion'. There was no priesthood other than the vicars of village mosques (imam) who were of the community and did not form a caste apart, and the chaplains of the more devout Sultans and chiefs who never attained any collective importance in the political system owing to lack of organization. There were no major public rituals of Islamic content. At the installation and the funeral of a Sultan there were indeed Islamic prayers and elements in the ritual but these did not make proceedings essentially Islamic. The most important purely Islamic occasions were the annual feast days at which it was customary for a Sultan or chief to hold a levee at which his subjects presented their respects.*

*There were no Kathis (Muslim judges and registrars) until the era of British protection. Islamic legal doctrine appears in the Malay legal codes but there is no evidence to show it was effective law.<sup>4</sup>*

Diwaktu kebelakangan ini pendapat-pendapat yang menafikan peranan Islam dalam sejarah Nusantara digugat oleh beberapa orang sarjana serantau, antaranya Syed Muhammad Naguib Al-Attas, Syed Hussein Alatas, dua adik-beradik yang banyak sekali membicarakan tentang Peranan Islam dalam sejarah serantau, dan Cesar Adib Majul.

Syed Naguib menegaskan bahawa:

Kedatangan Islam di Kepulauan Melayu-Indonesia harus kita lihat sebagai mencirikan zaman baru dalam persejarahannya, sebagai semboyan tegas membawa rasionalisma dan pengetahuan akhlah serta menegaskan suatu sistem masyarakat yang berdasarkan kebebasan orang perseorangan, keadilan, dan kemuliaan keperibadian insan. Tuntutan budi dan akal mengenai hal-hal agama, keagamaan dan kemurniaan batin serta ilmu mengenainya, tersebar luas mendalam laksana akar beringin merangkup bumi. Islam membawa semangat rasionalisma dan intelektualisma bukan sahaja dikalangan istana dan kraton, malah sampai juga dengan lebih merebak dikalangan rakyat jelata.<sup>5</sup>

Dan dihalaman yang lain beliau menegaskan pula bahawa, "Islam telah merubah bukan sahaja struktur zahir masyarakat Melayu-Indonesia itu, bahkan perubahan tu sampai juga kestruktur batinnya — sampai juga kejiwananya."<sup>6</sup>

---

h. 219-245; Cesar Adib Majul, *Muslims in the Philippines*, The University of the Philippines Press, Quezon City, 1973, terutamanya bab II, h. 35-78. Untuk percubaan perbincangan oleh pelajar sendiri boleh lihat Chamhuri Siwar, "Tiori-tiori Kedatangan Islam ke Nusantara", *Semesta*, Majallah Tahunan Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, Bil. 1, Jil. 1, 1971, h. 41-45.

2 S.M.N. al-Attas, *Islam Dalam Sejarah*, h., 18.

3 *Ibid.* Snouck Hurgronje menulis dalam tahun 1913 menyarankan bahawa Islam hanya berminat dan cenderung kepada memperluaskan jajahan takluk saja dan tidak kepada usaha pengislaman wilayah itu sendiri. Kenyataan ini kita petik dari S.H. Alatas, "Reconstruction of Malaysian History", h. 225.

4 Gullick, *Indigenous Political Systems*, h., 139.

5 S.M.N. al-Attas, *op. cit.*, h. 20.

6 *Ibid.*, h. 22.

Salah satu bidang yang ditunjukkan oleh beliau sebagai paling nyata berubah selepas kedatangan Islam ialah Bahasa Melayu itu sendiri. Dan sebenarnya bahasa 'Bahasalah mencerminkan Bangsa', seperti kata pepatah 'bahasa jiwa bangsa, dan dari bahasa dikenal bangsa',

Bahasa Melayu yang tadinya bahasa terbatas itu telah mengalami suatu perubahan besar, suatu revolusi. Selain dari diperkaya perbendaharaan-katanya dengan istilah-istilah dan perkataan-perkataan Arab dan Farsi, bahasa Melayu juga dijadikan bahasa pengantar agama Islam diseluruh Kepulauan Melayu-Indonesia, sehingga pada abad keenambelas selambat-lambatnya ia telah berjaya mencapai peringkat bahasa sastera dan agama yang luhur dan sanggup menggulingkan kedaulatan bahasa Jawa dalam bidang-bidang ini. Dan demikian luasnya tersebar bahasa Melayu itu dari akibat penggunaannya oleh Islam sehingga dapat kini menjadi bahasa resmi lebih dari 100 juta manusia di Asia Tenggara. Dengan ini pula bahasa Melayu-Indonesia itu haruslah dianggap sebagai bahasa Islam, dan mungkin merupakan yang kedua terbesar dalam dunia Islam.<sup>7</sup>

Syed Hussein Alatas bila mengemukakan permasalahan sejarah Malaysia mengambil Era Pengislaman sebagai titik-tolakannya, iaitu sekitar kurun masehi 13 hingga ke 16. Beliau memilih zaman itu sebagai titik-tolak kerana menurut beliau zaman itulah yang paling ketinggalan sekali. Kalau ada pun rujukan kepada zaman itu yang sering diberikan perhatian ialah tentang Kejatuhan Majapahit dan kedatangan kuasa-kuasa Eropah. Ada juga usaha-usaha penulisan namun menurut beliau adalah terlalu berat sebelah, tempang dan bahkan tidak tepat. Juga menurut beliau dalam kurun masehi ke 16, bila kuasa Eropah datang wujud apa yang dipanggilnya 'a contemporaneity of periods' dimana terdapat berbagai tenaga politik dan budaya, dan Islam adalah salah satu daripadanya. Seperti yang ditegaskan oleh Professor H. Kern penyibaran Islam adalah 'satu revolusi dari dalam' dan merupakan satu zaman yang mempunyai kemungkinan yang besar untuk menjadi bidang kajian. Islamlah juga yang pertama berkonflik dengan imperialisma Barat. Antara kesan Islam menurut beliau ditegaskan bahawa:

*The arrival of Islam signified the first time in history that the Malaysian world was drawn into a historical movement which stretched across the whole continents of Africa and Asia which in turn linked it with the history of Western Europe, long before the arrival of the Portuguese around the beginning of the 16th century. The Pan-Islamic movement regarded as the most formidable foe of Western Imperialism in the 19th century, had its inception between the 13th and the 16th century as far as Malaysia goes.<sup>8</sup>*

Kalau kita mengambil sikap era pengislaman rantau ini bermula dari kurun masehi ke 13 ternyata bahawa Islam sudah mulai berada di rantau ini sejak dari apa yang kita sering panggil sebagai Zaman Majapahit. Dan tentunya perkem-

---

<sup>7</sup> *Ibid.*, h. 41-42.

<sup>8</sup> S.H. Alatas, "Reconstruction of Malaysian History", h. 220. Untuk melihat perbincangan yang lebih lanjut akan perbincangan dalam para ini lihatlah tulisan beliau dari halaman 219-221.

bangan empayar Islam memberikan sumbangan juga kepada kejatuhan dan akhirnya kehancuran empayar Majapahit. Zaman Melaka merupakan satu era cemerlang bagi perkembangan Islam. Dalam zaman pemerintahan Sultan Mansur Shah (1458-1477) Islam mula berkembang ke daerah-daerah lain di Semenanjung.<sup>9</sup> Dalam zaman kerajaan Melayu di Melaka, Melaka menjadi pusat pengajian Islam yang penting<sup>10</sup> dan Islam juga menjadi agama dan ideologi negara.<sup>11</sup> Tentulah bila sudah menjadi agama resmi, dan Melaka menjadi pusat pengajian Islam dan perkembangannya, maka tentu sekali Islam mempunyai pengaruh yang luas dalam bidang sosio-politik Melaka, yang kemudiannya diwariskan kepada kerajaan-kerajaan Melayu lain selepasnya. Adalah tidak tepat apa yang dikatakan oleh Gullick seperti yang telah kita buat petikannya lebih awal tadi. Dalam melihat pengaruh Islam beliau telah menggunakan ukuran-ukuran yang tidak tepat. Kalau mau melihat adanya satu kasta yang berasingan akan kedudukan imam maka tentulah tidak mungkin, kerana dalam Islam tidak ada soal kasta dan pembezaan. Imam adalah sebahagian dari masyarakat Muslim seluruhnya dan tidak mungkin akan mempunyai satu identiti dan kumpulan yang tersendiri. Dalam Islam juga tidak timbul soal 'priesthood' yang cuba mau dicari oleh Gullick. Ada kebenarannya seperti yang disebutkan oleh Gullick bahawa upacara-upacara tahunan yang disambut secara besar-besaran oleh seluruh umat Islam ialah Hari Raya Haji dan Hari Raya Puasa. Sesungguhnya tidak ada upacara-upacara yang lebih besar dari itu dalam Islam. Kalau juga mau dicari maka tentulah tidak akan kedapatan. Dalam kenyataan itu juga beliau menyebutkan bahawa tidak terdapat Kadhi sehinggalah selepas kedatangan British. Kita meragukan kebenaran kenyataan beliau itu. Dari nukilan Sejarah Melayu kita mendapat tau bahawa ada kadhi dalam negeri Melaka. Dalam zaman pemerintahan Sultan Mansur Syah seorang Maulana bernama Abu Bakar telah datang ke Melaka dari Juddah. Bila sampai ke Melaka dilaporkan bahawa, "segala orang besar-besar Melaka sekaliannya berguru kepada Maulana Abu Bakar, *melainkan kadhi Melaka* juga yang tiada berguru, Kadhi Yusof namanya. Adapun Kadhi Yusof itu daripada anak cucu Makhdum yang pertama mengislamkan segala orang Melaka itu".<sup>12</sup> Kemudiannya bila Kadhi Yusof meletakkan jawatan beliau telah digantikan oleh anaknya yang bernama Kadhi Menawar.<sup>13</sup> Dari kenyataan Andaya pula kita dapat mengetahui bahawa ada kadhi dalam zaman Kerajaan Johor yang meneruskan jurai keturunan raja-raja Melayu Melaka dan mereka menekmati peluang dan kedudukan ekonomi yang istimewa pula. Dari catatan Abdullah Munshi pula kita diberitahu bila Abdullah banyak sangat bercakap dan menasihatkan Tengku Temena, Tengku telah menyindir Abdullah dengan katanya, "Tuan ini terlalu pandai membaca khutbah; baiklah tuan diam disini *supaya boleh sahaya jadikan kadhi dan khatib*."<sup>14</sup> Dari kenyataan dan catatan karya-karya sezaman dan hasil kajian yang teliti menunjukkan bahawa ada terdapat Kadhi sejak dari zaman Melaka, membawa ke zaman kerajaan Johor dan seterusnya kurun masehi ke 19 seperti yang dilaporkan oleh Abdullah itu.

9 C.A. Majul, *Muslim in the Philippines*, h. 41.

10 *Ibid.*

11 Mohd. Dahlan, *Traditional, Indigenous Polity . . . . .*, h. 7.

12 Shellabear, *Sejarah Melayu*, h. 154-155. *Italik* kita, untuk penegasan.

13 *Ibid.*

14 Kassim Ahmad, (penyusun), *Kisah Pelayaran Abdullah*, h. 106.

Telah diperlihatkan tadi bila ukuran-ukuran yang tidak dapat digunakan maka dengan sendirinya hasil kajian itu tidak akan tepat pula. Penggunaan ukuran yang sedemikian mungkin disengajakan ataupun mungkin juga oleh kurangnya pengetahuan dan pengertian tentang Islam itu sendiri. Pentafsiran Maulud sebagai "the Islamic New Year"<sup>15</sup> kalau tidak satu kesilapan dapat mendorong kita untuk menyimpulkan sebagai contoh lain akan kekurangan pengertian tentang Islam. Maulud yang disambut besar-besaran oleh umat Islam, satu tradisi yang tidak wujud dalam zaman Rasulullah dan zaman para Khalifah yang empat, ialah hari keputeraan Nabi Muhammad s.a.w. dan tahun Islam di kira sejak dari Hijrah Nabi ke Madinah. Gullick juga menyebutkan bahawa doktrin-doktrin Islam ada terdapat dalam undang-undang Melayu, tetapi menurutnya tidak ada bukti yang mana-mana bahagian undang-undang itu dikuatkuasakan secara berkesan. Dalam membuat kesimpulan itu beliau berdasarkan kenyataan Hugh Clifford:

*No penal code of any kind is in existence except the old Malay kanun which allows no fine under two ounces of gold, and is more curious as an antiquity than useful as a practical guide to governing the country. So rough indeed is this code that many if the most ordinary offences are not mentioned therein, and many of the punishments such as cutting off the right hand for pilfering, are too barbarous for use even in Pahang. Added to this that hardly anyone except a few Malay scholars know the contents of the kanun, and that it is never followed in dealing with offences, and it may fairly be said that no code of law exists in Pahang.*<sup>16</sup>

Dari bukti-bukti yang ada sudah terdapat sistem perundangan yang teratur bagi negeri-negeri Melayu, dengan peruntukan-peruntukan yang sesuai bagi keperluan masyarakat yang berkenaan. Hukum Kanun Melayu Melaka mengadakan peruntukan-peruntukan yang meliputi hampir keseluruhan keperluan hidup masyarakat, dengan mencatatkan tugas-tugas pembesar-pembesar negeri, adat istiadat bagi raja-raja, hukum-hukum jenayah — hukuman bergaduh dan bunuh orang, memukul bantai, dan tetak menetak, hukum curi dan memasuki kawasan rumah orang lain; peraturan berhuma dan bercucuk tanam dan berternak, berniaga dan hutang piutang. Meneliti undang-undang tersebut meyakinkan kita bahawa sudah ada peraturan yang agak lengkap bagi panduan pentadbiran dan pemerintahan di masa itu.<sup>17</sup> Sesuai sebagai sebuah pusat perdagangan Melaka mempunyai Undang-undang laut.<sup>18</sup> Dari catatan "A Malay Legal Digest" jelas menunjukkan ada "hukum resam didalam negeri Pahang dan Johor dan Perak yang terpakai di negeri Melayu daripada zaman dahulu kala."<sup>19</sup> Undang-undang ini sekali lagi dapat dikatakan lengkap. Undang-undang tersebut telah dibukukan dalam zaman pemerintahan Sultan Abd. Al-Ghafar Muhiyuddin Shah, sultan Pahang memerintah tahun 1592-1614.<sup>20</sup> Dari perspektif masa dan tempat kita lihat peraturan-peraturan untuk keperluan pentadbiran dan pemerintahan serta jua kehidupan rakyat dalam

15 Gullick, *Indigenous Political Systems* . . . . ., h. 139.

16 *Ibid.*, h. 114.

17 Bukan tujuan kita hendak mengkaji undang-undang yang ada, namun untuk kajian teks secara lebih mendalam bolehlah lihat *Hukum Kanun Melaka* yang berkenaan.

18 Sila lihat Winstedt and de Jong, "The Maritime Laws of Malacca".

19 Winstedt and Kempe, "A Malay Legal Digest", h. 30.

20 *Ibid.* h.

setiap bidang hidup sudah ada diperkanunkan dalam perundangan negeri.<sup>21</sup> Dakwaan bahawa terlalu kecil bilangan yang tau tentang isi kanun maka lantaran itu ianya tidak dijalankan kuat-kuasanya bagi kita tidaklah begitu besar. Seperti juga pada zaman sekarang ini bilangan yang tua dan betul-betul faham akan undang-undang dan perlembagaan negara adalah relatif kecil — seperti peguam dan peguambela, pegawai-pegawai polis (itupun tidak semua pegawai dan tidak pula kesemua aspek perundangan) dan pengadil, dan itu tidaklah berarti bahawa undang-undang yang tidak dikuatkuasakan. Menganggap hukuman 'potong tangan' sebagai 'barbarous' juga satu penilaian yang tidak diberikan dalam konteks yang semestinya. Hukuman itu sebenarnya tidak sempat dijalankan kerana suasana masyarakat menjadi tenteram dengan adanya peruntukan tersebut. Keadaan ini ada digambarkan oleh Sejarah Melayu. Setelah seorang pencuri putus lengannya di parang oleh Seri Maharaja sejak itu tidak ada lagi pencuri dalam negeri Melaka. Juga selepas sultan menguatkuasakan hukum potong tangan ke atas orang yang "mendapat harta orang, jika tiada dipulangkan tuan punya" ataupun tiada dihantar kepada balai yang dikhususkan jika tuannya tidak dihubungi, kesannya, "Maka di dalam negeri Melaka itu, jikalau harta orang gugur di sana."<sup>22</sup> Hal ini juga menunjukkan bahawa hukum Islam dilaksanakan dengan berkesan.

Sesungguhnya Islam bertapak kukuh dan berpengaruh di dalam kehidupan sejak dalam zaman Melaka lagi, seperti yang ditegaskan oleh Majul,

*Although Pasai claimed priority as a theological centre, it was Malacca that was destined to become one herself. As a place where theologians and preachers gathered, where discussions became frequent, it was, as it were, Islam's headquarters in Southeast Asia and Malaysia during the 15th and 16th century. Its relative orthodoxy and the piety of its ruler and of the generality of the population were recognized by the neighbouring Islamic principalities. Yin Sheng-lan (1416) wrote about Malacca that, "the king and the people are Mohammedans and they carefully observe the tenets of this religion".<sup>23</sup>*

Oleh hal yang demikian tentulah tidak menghairankan kita bila dapat kita kesan bahawa falsafah politik Islam berakar-umbi dalam sistem politik Melayu tradisi. Dapat kita lihat misalnya dalam prinsip taat setia kepada negeri dan pemerintahnya, satu faktor yang penting untuk memungkinkan pentadbiran dan pemerintahan berjalan licin dan berkesan, serta mewujudkan keharmonian dan ketenteraman dalam masyarakat. Dalam bab pertama dan kedua sudah kita tunjukkan bahawa soal taat setia ini terdapat dua sistem nilai yang kadang-kadang bergerak selari dan harmonis dan kadang-kadang berkonflik. Seperti yang telah kita catatkan terdapat disatu pihak tuntutan taat setia yang membuta tuli, manakala dipihak yang lain tuntutan taat dan patuh yang bersyarat. Akan keadaan yang kedua ini sebenarnya nilai dan falsafah Islam.

<sup>21</sup> Analisa lebih mendalam akan isi kandungan dan peruntukan-peruntukan undang-undang yang berkenaan, terutama sekali yang menggunakan undang-undang Islam akan dibicarakan kemudian. Untuk satu teks perundangan yang lain sila lihat R.O. Winstedt and P.E. de Josselin de Jong, "A Digest of Customary Law from Sungai Ujong", *JMBRAS*, Vol. 27, Pt. 3, 1954.

<sup>22</sup> Shellabear, *Sejarah Melayu*, h. 174.

<sup>23</sup> C.A. Majul, "Theories on the Introduction and Expansion of Islam in Malaysia", *Siliman Journal*, Vol. XI, No. 4, 1964, h. 344-345.

Di dalam Al-Quran ditegaskan bahawa pusat taat setia itu ialah Tuhan dan dengan keizinanNya juga para ambia. Prinsip ini ditegaskan dalam ayat Al-Quran yang berbunyi:

Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah RasulNya, dan *ulul amri* (pemimpin-pemimpin) di antara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu maka kembalikanlah ia kepada Allah (Al-Quran) dan Rasul (sunnah-Nya), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya.<sup>24</sup>

Ayat diatas meletakkan asas bagi keseluruhan sistem agama, politik, sosial dan kebudayaan dalam Islam, dan merupakan prinsip pertama dalam perlembagaan Islam. Ayat tersebut menentukan asas dan prinsip-prinsip pusat tumpuan taat setiap Muslim baik secara individu atau secara berkelompok hanyalah kepada Tuhan. Ketaatan kepada yang lain tertakluk kepada dan dalam lingkungan yang dibenarkan oleh-Nya. Sebagai manifestasi ketaatan kepada Allah setiap Muslim mestilah taat kepada RasulNya, yang menjadi wasitah menyampaikan perintah Tuhan kepada seluruh umat manusia. Juga ditentukan oleh ayat tersebut bahawa objek ketiga yang harus ditaati oleh orang-orang Islam ialah *ulul amri* (pemimpin-pemimpin). Ketaatan kepada pemimpin-pemimpin hanyalah selepas ketaatan kepada Allah dan RasulNya. Juga hanya pemimpin-pemimpin yang taat kepada Tuhan dan RasulNya dan segala polisi dan tindak-tanduk mereka sesuai dengan semangat Syariah sahaja yang wajar ditaati. Istilah *ulul-amri* itu sendiri mempunyai pengertian yang luas, dalam arti ianya mencakupi segala bentuk dan peringkat kepimpinan yang dalam masyarakat baik dibidang politik, ekonomi, agama, ketenteraan, kebudayaan, organisasi, birokrasi dan seumpamanya. Ayat yang kita catatkan diatas itu juga menetapkan bahawa hanyalah perintah Tuhan dan Sunnah Rasul yang mempunyai kebenaran mutlak dan seharusnya menjadi punca rujukan.

Perbezaan pendapat sesama umat dibenarkan dan merupakan hak politik mereka, tetapi sekiranya berbangkit perselisihan hendaklah dirujukkan kepada apa yang telah ditentukan oleh Tuhan menerusi Al-Quran dan Sunnah Rasul Allah.<sup>25</sup>

Asas dan prinsip ketaatan seperti yang dikehendaki oleh Islam itu jelas terserlah dan jernih terbayang dalam sistem politik Melayu tradisi sebagaimana yang diabadikan oleh karya-karya sezaman, termasuklah juga karya-karya pensejarahan yang lahir dan dilahirkan dari naungan dan dokongan Istana. Sejarah Melayu dengan jelas dan terangnya menyarankan semangat berbakti kepada Allah dan RasulNya, kemudian baru kepada raja. Pesanan dan wasiat Bendahara kepada anak cucunya jika kita ikuti dengan teliti akan memperlihatkan kepada kita bagaimana prinsip ketaatan yang dikehendaknya. Beliau telah meminta anak-buahannya mentaati Allah dan RasulNya dan kemudian kepada raja. Raja yang dimaksudkan oleh Bendahara ialah raja yang adil, yang dibandingkan kemudiannya

---

<sup>24</sup> *Al-Quran*, IV: 59.

<sup>25</sup> Untuk bacaan lebih lanjut bagi ulasan dan tafsiran ayat Al-Quran yang berkenaan silalah baca Sayyid Abdul A'la Maududi, *The Islamic Law and Constitution*, Islamic Publications Ltd., Lahore, 1960, terutama halaman-halaman 172-177. Tulisan ini elok dibaca keseluruhannya untuk mendapat fahaman asas akan pemikiran politik, perundangan dan perlembagaan dalam Islam. Bacalah juga Said Ramadan, *Islamic Law: Its Scope and Equity*, Copyright Dr. Said Ramadan, 1970.

setanding dengan Nabi. Raja juga disebutkannya sebagai "zillu 'llahu fil-'alam" iaitu bayangan Tuhan dimuka bumi. Secara mudah perbandingan 'bayangan Tuhan dimuka bumi' itu bermaksud raja yang akan melaksanakan hukum dan perintah sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Tuhan, dan tidak bersalahan seperti halnya dengan bayang-bayang yang tidak mungkin menyalahi objek yang menyebabkan wujudnya bayang-bayang itu. Sebagaimana bentuk objek itu maka begitulah bentuk bayang-bayangnya.<sup>26</sup> Penerimaan bahawa raja harus bertindak selaras dengan hukum Tuhan ditegaskan oleh Sejarah Melayu awal-awal lagi dalam sumpah persetiaan antara Demang Lebar Daun dan Sang Saperba dimana dimaterikan bahawa Sang Saperba (lambang golongan raja) hanya boleh menjatuhkan sesuatu hukum 'jikalau berlaku pada hukum Shara'.<sup>27</sup> Falsafah dan prinsip ini sentiasa disebut-sebut oleh Sejarah Melayu. Sultan Mansor Shah disaat-saat kemangkatannya bersungguh-sungguh mengingatkan puteranya yang bakal menggantikan baginda supaya memerintah dengan sabar, adil, mengambil berat tentang kesejahteraan rakyat, jangan tamak sambil menarik perhatian puteranya kepada Hadith Nabi "Kullukum ra'in wa kullukum mas'ulun 'an ra'-iyyatihi" dan dengan menyedari hakikat bahawa setiap tindakan pemerintahan akan nanti ditanyai diakhirat kelak baginda meminta puteranya janganlah sekali-kali menyalahi perintah Tuhan.<sup>28</sup>

Kitab Taj us-Salatin memuatkan prinsip dan asas yang serupa. Diterangkan tentang raja yang 'adil dan yang zalim, tanggungjawab raja-raja, orang besar-besar dan pegawai-pegawai raja bahkan rakyat jelata pun. Taj menjelaskan kejadian Nabi Adam sebagai Khalifah dimuka bumi<sup>29</sup> dan menegaskan akan ketaatan kepada raja itu adalah selepas ketaatan kepada Allah dan Rasulya, dan raja itu sendiri mentaati Allah dan menjalankan titah perintahNya.<sup>30</sup> Kitab Taj ini yang menurut Khalid Hussain ditulis/diterjemah/disadur oleh seorang yang bernama Bukhari dari Johor<sup>31</sup> begitu juga penggunaannya seperti yang ditegaskan oleh beliau, "kitab Taj us-Salatin dipakai sebegitu luas sekali digugusan pulau-pulau Melayu malahan oleh penganjur-penganjur bangsa Belanda waktu mereka menjajah Indonesia selama 350 tahun".<sup>32</sup> Juga menurut beliau lagi begitu popularnya penggunaan buku itu sebagai panduan sehingga ianya dicetak semula di Johor dalam tahun 1875/76.<sup>33</sup> Abdullah Munshi pun dimasa 'berkhutbah' kepada Tengku Temena merujuk kepada kitab ini dan menegaskan perlunya kitab ini dibaca oleh raja-raja sebagai panduan pemerintahan.<sup>34</sup>

26 Shellabear, *Sejarah Melayu*, h. 180-190. Untuk petikan penuh akan pesanan Bendahara sila lihat kajian ini halaman 26.

27 *Ibid.*, h. 26.

28 *Ibid.*, h. 170. Untuk melihat finomina dan keadaan yang serupa lihatlah juga halaman-halaman 59, 67, 185-186 dan 191. Raja-raja misalnya diingatkan supaya jangan mendengar fitnah, jangan mengikut hawa nafsu dan jangan merengankan amal ibadah kepada Tuhan. Lihat juga Raja Chulan, *Misa Melayu*, h. 50

29 Khalid Hussain, (Penyusun), *Taj Us-Salatin*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1966, h. 45-47.

30 *Ibid.*, h. 65-66.

31 *Ibid.*, h. xv.

32 *Ibid.*, h. xiii.

33 *Ibid.*, h. xv.

34 Kassim Ahmad, (penyunting), *Kisah Pelayaran Abdullah*, h. 106.



Penerimaan prinsip ini dalam undang-undang dan peraturan negeri bertambah meyakinkan kita bahawa Islam begitu berakar berumbi dalam masyarakat Melayu sehingga falsafah dan pemikiran politiknya dijadikan ideologi dan sistem pemerintahan negeri. Perundangan bagi negeri Johor, Pahang dan Perak dengan tegas meminta segala menteri dan sida-sida dan bala tenteranya sekalian hendaklah mengikut seperti firman Allah Taala yang berbunyi "Wa' ati'ullahu wa'ati 'u'r-rasula wa' uli'l-amri minkum."<sup>35</sup> Bahkan mereka juga diminta mengerjakan kebajikan dan meninggalkan munkar. Golongan 'ulul amri' ini sewajibnyalah menggalakkan kerja-kerja kebajikan dan dalam masa yang sama seharusnya menegah sebarang kemunkaran (kejahatan yang berbagai bentuk dan rupa) daripada berlaku dan dilakukan.<sup>36</sup> Tidak seperti yang berlaku sekarang golongan 'ulul amri' disamping meminta usaha-usaha kebajikan dilaksanakan membiarkan segala rupa kemunkaran berleluasa. Dalam perundangan ini juga dijelaskan akan kejadian manusia (Adam yang merupakan manusia pertama sebagai lambang pemimpin dan lambang seluruh umat manusia) sebagai khalifah dimuka bumi<sup>37</sup> dan juga ditegaskan perlunya mereka bertindak secara bertanggungjawab kerana sesungguhnya setiap tingkah laku dan tindak-tanduk mereka sama ada buruk-baiknya walau sebesar zarah pun akan diambil kira dan mendapat pembalasan yang sewajarnya dari Tuhan diakhirat kelak.<sup>38</sup>

Dari huraian dan catatan kita dalam beberapa halaman yang lepas dengan jelas dan dengan tegas pula menunjukkan bahawa falsafah dan pemikiran Islam dalam hal taat setia kepada negeri dan pemerintahnya — prinsip pertama dalam perlembagaan Islam<sup>39</sup> diterima, diamal dan dihayati. Dari bukti-bukti yang ada ini sehingga berani kita mengutarakan bahawa falsafah itu begitu mendalam sehingga membuahakan pepatah 'raja 'adil raja disembah, raja zalim raja disanggah'. Disanggah menurut kemampuan keupayaan masing-masing, samada secara agresif, pasif ataupun melarikan diri (evasive). Hal ini dimanifestasikan dalam bentuk tindakan seperti yang telah kita huraikan dalam bab kedua dalam kajian ini.

Biarpun begitu seperti yang ternyata dari karya-karya pensejarahan, kesusasteraan dan perundangan serta dari huraian kita dalam tisis ini, adat istiadat dan resam Melayu lama tidaklah berjaya dikikis sama-sekali. Pembezaan masih kekal dan dikekalkan, keistimewaan pehak kepimpinan terus dipelihara, dijaga dan dipupuk khususnya akan kedudukan raja dan kaum keluarganya. Hal ini sebenarnya sesuai pula dengan amalan dan praktik yang dijalankan oleh kerajaan Islam di bawah Dinasti Abasiyah, dimana keistimewaan dinikmati oleh Khalifah dan jawatan Khalifah itu mulai hak milik keturunan.<sup>40</sup>

35 Winstedt and Kempe, "A Malay Legal Digest", h. 57.

36 *Ibid.*

37 *Ibid.*, h. 25.

38 *Ibid.*, h. 27.

Ayat Al-Quran yang dipetik dalam undang-undang ini ialah "Faman ya'mal mithkala dharratin khairan yarahu, waman ya'mal mithkala dharratin sharran yarahu", *Al-Quran* 99:7, 8: yang berarti "Barang siapa yang mengerjakan kebaikan seberat zarah pun, niscaya dia akan melihat (balasan)nya. Dan barang siapa yang mengerjakan kejahatan seberat zarah pun, niscaya dia akan melihat (balasan)nya pula".

39 Maududi, *The Islamic Law and Constitution*, h. 172.

40 Kemungkinan adanya penyesuaian dengan kerajaan Abasiyah itu semakin bertambah besar bila dilihatkan kemungkinan bahawa Islam mulai sampai dan tersebar kerantauan ini dalam zaman Kerajaan Abasiyah.

Hukuman syarak ternyata digunakan dalam perundangan negeri-negeri Melayu tradisi. Jika kita teliti teks undang-undang resam bagi Johor, Perak dan Pahang itu yang didakwa sebagai telah digunakan sejak dulu lagi<sup>41</sup> ternyata hukum syarak digunakan secara luas sekali. Kita perhatikan soal akhlak dan moral tidak dipisahkan dari aspek kehidupan yang lain. Pegawai-pegawai raja dan istana, hulubalang dan panglima serta rakyat jelata ditekankan perlunya mempunyai moral yang tinggi. Penerimaan faktor akhlak dan moral sebagai elemen terpenting bahkan asas yang kukuh bagi pembentukan peribadi yang tinggi budi, bertanggungjawab dalam sebarang tindakan, dan menerimanya sebagai tidak terpisah dari keseluruhan cara hidup adalah nilai-nilai Islam yang diterima dalam perundangan negeri-negeri Melayu. Beberapa contoh akan dapat menjelaskan maksud kita. Dinyatakan misalnya, "segala fakih dan manteri" di minta bersyukur dengan kurnia Tuhan, mendahulukan kebaktian kepada Tuhan daripada rajanya, menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan 'adil dan saksama serta tidak bersalahan dengan Al-Quran dan Hadith, sabar menerima percubaan dari Tuhan, jangan mengikut hawa nafsu dan mempunyai budi bahasa yang tinggi.<sup>42</sup> Akan Temenggong pula diminta sentiasa berhati-hati, mempunyai pandangan dan pemikiran yang jauh, sabar dalam semua keadaan dan tidak pula pilih kasih dalam menjalankan tugas.<sup>43</sup>

Hukum syarak yang digunakan termasuk undang-undang jenayah — hukuman curi-samun, kisas dan membunuh orang, zina dan liwat, pukul-bantai dan lain-lainnya; undang-undang mukamat — hukuman dan peraturan jual-beli, hutang piutang, sewa tanah dan rumah, sandaran dan seumpamanya, hukum berhuma, berladang dan berternak serta termasuk juga larangan melakukan kerja-kerja munkar seperti minum arak, tuak dan segala yang memabukkan, tegahan berjudi dan berceki, galakan mengerjakan amal ibadah sembah lima waktu dan hukuman meninggalkannya. Kajian yang teliti akan memperlihatkan kepada kita sebahagian besar undang-undang Syarak digunakan, kecuali beberapa unsur penerusan dalam adat istiadat seperti dalam soal hukuman penderhakaan kepada raja<sup>44</sup> larangan memakai pakaian-pakaian tertentu seperti pakaian kekuningan dan emas oleh rakyat umum.<sup>45</sup>

Syed Hussein Alatas menengaskan bahawa Islam tidak ragu-ragu membawa perubahan dalam bidang budaya, agama, politik dan ekonomi dengan memberikan contoh, "The Maritime Code of Malacca, compiled not later than the 15th century, and the Luwaran of Mindanao compiled probably earlier than the 17th century are two of the important records of change effected by Islam".<sup>46</sup>

Kedatangan Islam juga membawakan semangat baru, kesedaran akan nilai dan harga diri dan perasaan termasuk dalam satu keluarga yang lebih besar me-

---

<sup>41</sup>Winstedt and Kempe, "A Malay Legal Digest", h. 30.

<sup>42</sup>*Ibid.*, h. 26.

<sup>43</sup>*Ibid.*, h. 27.

<sup>44</sup>*Ibid.*, h. 46 dan 52-53.

Di halaman 46, hukuman yang paling berat dikenakan — hukuman seksa yang tiga ratus enam puluh bagai; harta dirampas dan anak isteri menjadi hamba. Bila sudah mati dibelah empat dan dibuang ke empat penjuru alam. Tetapi dihalaman 52-53 kita dapati ada perbezaan pula. Rakyat yang menderhaka kerana meninggalkan raja yang adil tidak akan di hukum kiranya ia sanggup kembali berkhidmat kepada raja bila dipanggil.

<sup>45</sup>*Ibid.* h. 30.

<sup>46</sup>S.H. Alatas, "Reconstruction of Malaysian History", h. 220.

lintasi batas dan sempadan daerah yang sempit dalam pelukan persaudaraan Islam.<sup>47</sup> Dan dalam keadaan yang begini berlakulah seperti apa yang disebutkan oleh Majul:

*Regardless of his country of origin and to whomever sultan he owned loyalty, a Moslem in dar-al-Islam was in theory to be well treated, protected, permitted to travel and definitely allowed and encouraged to follow the pillars of Islam. In any activity, including trade, a Moslem was supposed to be given preference over a non-Moslem in Islamic territory. Moslem left their land of birth to serve or to offer their talents to sultans known for their liberality. The sojourn of the famous Ibn Khaldun in Spain and Egypt to serve as cade, away from Tunis the land of his birth, is a case in point.<sup>48</sup>*

Dan dalam sejarah tanahair sendiri banyak contoh boleh kita dapati dimana orang-orang yang berkebolehan dari negeri-negeri lain seperti India, Farsi dan Arab menduduki tempat-tempat yang penting dalam struktur pemerintahan dan pentadbiran negeri.<sup>49</sup>

Huraian, ulasan dan contoh yang telah kita sebutkan dalam beberapa halamar yang lalu dapat menunjukkan bahawa Islam telah membawa perubahan yang besar dan meninggalkan kesan yang mendalam dalam cara hidup umat Melayu termasuk kehidupan politiknya. Bila berlaku satu-satu peristiwa besar beberapa perubahan berlaku. Tetapi tidak juga dapat dinafikan bahawa elemen-elemen kontinuiti juga terdapat. Demikianlah juga halnya dengan kedatangan dan kemasukan Islam kerantau ini. Dari kenyataan-kenyataan kita hingga setakat ini kita yakin dapat membuka dialog dan menarik perhatian dan minat lebih ramai pelajar-pelajar dan juga para sarjana untuk melihat sumbangan, pengaruh dan kesan kedatangan Islam ke atas masyarakat manusia, amnya dan masyarakat Nusantara khususnya. Peranan semangat Jihad dalam membina tenaga dan memadukan tindakan terhadap imperialisma Barat, kedudukan Islam sebagai alat dalam proses politik dan gerakan reformasi dalam Islam serta pergerakan Islam dalam penentangan rejim yang menindas adalah antara bidang-bidang yang mencabar pelajar-pelajar, para guru dan sarjana untuk mengadakan kajilidikan yang mendalam, teliti dan tidak berat sebelah. Bahkan seluruh aspek mengenai peranan dan sumbangan Islam dalam sejarah Nusantara memerlukan pengkajian dan penilaian semula, demi untuk kebenaran dan keadilan dalam dunia keilmiahan.

---

47 C.A. Majul, "Theories on the Introduction . . . . .", h. 397.

48 *Ibid.*, h. 346.

49 Lihat nukilan *Sejarah Melayu*, misalnya disebutkan bahawa Mani Purindan datang ke Melaka dan menjadi menantu Seri Nara Diraja, h. 84; Maulana Abu Bakar dari Juddah menetap di Melaka menjadi guru agama dan Sultan Mansor Shah pun berguru kepada beliau, h. 154; Makhdum Sadr Jahan dari Judah bermastautin di Melaka juga menjadi ulama' besar, Sultan Mahmud dan Bendahara turut berguru kepada beliau, h. 249-250; Kita juga diberitahu tentang seorang 'Keling' (India Islam?) Raja Mendeliar namanya yang dilantik menjadi Shahbandar dan beliau merupakan antara orang yang terkaya, h. 256. Lihat juga Raja Chulan, *Misa Melayu* h. 60 dimana kita diberitahu yang Pir Muhammad juga seorang India Muslim (Keling) menjadi jurubahasa kepada Sultan Mudzafar Shah.